

Salleh dilantik sebab layak

UM 28 DEC 1994

KUALA LUMPUR 27 Dis. — Datuk Mohd. Salleh Tun Mohd. Said dilantik Ketua Menteri Sabah yang baru kerana beliau layak dan mempunyai pengalaman untuk memikul tanggungjawab itu, kata Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Itulah sebab beliau dianggap sesuai untuk jawatan itu, kata Perdana Menteri kepada pemberita diakhir lawatan sehari beliau ke Angkasapuri di sini.

Salleh, 37, pagi tadi mengangkat sumpah

menjadi Ketua Menteri Sabah termuda dan yang kesembilan di hadapan bapanya, Yang Dipertua Negeri Tun Mohd Said Keruak di Kota Kinabalu.

Beliau yang sebelum ini Timbalan Ketua Menteri dan Menteri Kewangan Sabah, menggantikan Tan Sri Sakaran Dandai yang dijangka akan dilantik sebagai Yang Dipertua Negeri.

Dr. Mahathir berkata, Ketua Menteri baru itu akan berkhidmat sehingga baki tempoh dua tahun bagi jawatan itu dipegang bumiputera Islam, berakhir Mac 1996.

Di bawah sistem bergilir-gilir yang dijanjikan kerajaan BN pada pilihanraya negeri lepas, jawatan Ketua Menteri akan dipegang oleh ketiga-tiga kaum terbesar di Sabah - bumiputera Islam, bumiputera bukan Islam dan Cina.

Hilang

Sakaran dilantik Ketua Menteri pada Mac tahun ini selepas Barisan Nasional (BN) mengambil alih kerajaan negeri daripada Parti Bersatu Sabah (PBS) yang hilang majoritinya di Dewan Undangan

Negeri hanya sebulan selepas dipilih berkuasa semula pada pilihanraya negeri.

Ketika ditanya sama ada beliau mempunyai sebarang nasihat kepada Salleh, Dr. Mahathir berkata: "Mesti menjalankan tugas dengan baik dan mengutamakan kepentingan rakyat, Sabah dan negara."

Ditanya sama ada per-

lantikan Salleh akan memberi sebarang kesan kepada BN dalam menghadapi pilihanraya umum akan datang di negeri itu, Perdana Menteri berkata, ia "seperti biasa sahaja" dan tidak akan membawa sebarang kesan.

Beliau juga menegaskan pentingnya kerjasama antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri bagi memudahkan proses pembangunan di Sabah.

"Amat penting sekali kita ada kerjasama rapat antara Kerajaan Pusat dan kerajaan negeri...jika tiada kerjasama, maka yang akan rugi ialah kerajaan negeri," kata beliau.

Kepada satu soalan lain, Dr. Mahathir percaya para pemimpin BN Sabah akan memberi sokongan padu kepada Salleh dalam menjalankan tugasnya.